



Rujukan : UKM PDF/224/3

Tarikh : 30 Mac 2015

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 5/2015

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SYARAT TAJAAN *FELLOWSHIP* DAN LANTIKAN PENSYARAH SEMENTARA (DS45)

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan, pihak universiti telah membuat penelitian dan semakan semula bagi syarat tajaan *fellowship* dan lantikan Pensyarah Sementara (DS45).

3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 3/2015 (3/3/2015) telah bersetuju meluluskan syarat tajaan *fellowship* dan lantikan Pensyarah Sementara (DS45). Pelaksanaannya adalah seperti berikut:

- i. permohonan calon yang sedang diproses boleh terus menggunakan syarat kelayakan sedia ada dan jika didapati dikalangan calon memiliki kelayakan seperti syarat di Lampiran 1, calon boleh dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan Pensyarah Sementara (DS45); dan
- ii. mulai 1 Mei 2015, semua permohonan baru akan mengguna pakai syarat seperti di Lampiran 1.

4. Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan Puan Faizah Ahmad di talian 03-8921 3617 / faizah@ukm.edu.my atau Encik Mohd Aliff Haiqal Zahid di talian 03-8921 5073 / aliffhaiqal@ukm.edu.my.

Sekian, terima kasih.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779



SYARAT TAJAAN *FELLOWSHIP* DAN LANTIKAN PENSYARAH SEMENTARA (DS45)

i) Syarat Permohonan Tajaan dan Lantikan:

- a) memperoleh kelayakan Ijazah **Sarjana Muda** dengan Kepujian yang **cemerlang**;
atau
- b) memperoleh kelayakan Ijazah **Sarjana Muda dan Sarjana** yang **cemerlang** bagi lantikan ke Pensyarah Sementara Gred 45;
- c) berumur tidak lebih dari 35 tahun pada tarikh tawaran; dan
- d) sedang mencari tempat/telah mendapat tawaran/atau sedang melanjutkan pengajian di **Universiti yang terkemuka**.

ii) Elaun Peribadi Tajaan *Fellowship*:

Elaun peribadi sebanyak RM3,500.00 sebulan bagi tajaan *Fellowship*:

- a) **mulai dari tarikh lapor diri di Fakulti/Institut dan calon diberi tempoh 6 bulan maksimum untuk mendapatkan tempat dan memulakan pengajian** bagi Program Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD)/setara;
- b) sepanjang tempoh pengajian (mengikut peraturan tempoh masa pengajian yang dibenarkan);
- c) calon yang telah lulus sarjana perlu **melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD)/setara dalam tempoh 6 bulan** dan elaun akan dibayar dalam tempoh ini; dan
- d) *Fellowship* yang telah tamat pengajian PhD diminta melaporkan diri di Fakulti/Pusat/Institut dan elaun bulanan akan diteruskan dalam masa 6 bulan (maksimum) atau sehingga memperoleh PhD mana yang terdahulu.

iii) Tawaran Lantikan ke Pensyarah Tetap DS51:

- a) *Fellowship* dan Pensyarah Sementara yang telah berjaya lulus PhD/setara akan dilantik ke Skim Pensyarah Universiti Gred 51 tertakluk kepada Jawatankuasa Pemilihan mengikut syarat yang ditetapkan.

Takrifan:

- i) Cemerlang bermaksud:
 - a) **Sarjana Muda** - mendapat ijazah Sarjana Muda tidak kurang dari 3.5/4.00 atau Kelas II (Tinggi).
 - b) **Sarjana** - mendapat CGPA tidak kurang dari 3.5/4.00.
- ii) **Universiti terkemuka dunia** -Universiti dalam 200 terbaik seperti syarat penajaan KPM.